

Wujudkan pusat sehenti di setiap agensi kerajaan - PM

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**

KOTA KINABALU 9 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu setiap jabatan dan agensi kerajaan mewujudkan pusat sehenti dalam usaha mempercepatkan sesuatu proses kelulusan sekaligus mengurangkan kerenah birokrasi dan rasuah dalam perkhidmatan awam.

Menurut beliau, jabatan-jabatan yang saling berkaitan perlu mencari satu tempat pertemuan di mana semua yang terlibat khususnya dalam menangani projek-projek sensitif dapat berjumpa dan berbincang menyelesaikannya.

Bagi Perdana Menteri, langkah mewujudkan pusat sehenti itu

Langkah mewujudkan pusat sehenti akan mengelakkan berlaku 'tolak menola' tugas

akan mengelakkan berlaku 'tolak menolak' tugas sehingga tempoh memproses sesuatu permohonan atau membuat keputusan memakan masa yang panjang.

"Pada waktu ini masih banyak lagi jabatan yang perlu memberi keputusan kepada cadangan untuk melaksanakan sesuatu projek kadang-kadang lima, kadang-kadang 10, malah hingga lebih 30 (jabatan).

"Sementara sesuatu prosedur itu nak dikurangkan, pendekatan yang boleh kita mahu pastikan ialah semua pihak bermuafakat dan wujudkan pusat sehenti di

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

mana masalah itu sama-sama diatasi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam amanatnya kepada lebih 2,000 pegawai perkhidmatan awam Sabah di Dewan Bakuasi, Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, Menteri-menteri Kabinet Sabah serta ketua-ketua jabatan kerajaan negeri dan Persekutuan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sememangnya sentiasa berusaha untuk menghapuskan halangan birokrasi yang ada di ja-

batan-jabatan kerajaan bagi memastikan projek pembangunan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Menurutnya, tindakan mewujudkan pusat sehenti bagi mengurangkan proses kelulusan sesuatu projek memerlukan kecekapan, fokus dan motivasi yang tinggi di kalangan pegawai kerajaan.

Abdullah berkata, masalah itu perlu diselesaikan secara bersempang-bersempang khususnya dalam menjayakan projek berkaitan kepentingan rakyat.

Malah kata Perdana Menteri proses kelulusan yang panjang dan berjela-jela boleh menyebabkan berlakunya rasuah apabila mereka yang terlibat ingin mengamhil jalan singkat ekoran kelewatan itu.